


LATIHAN 2

Cari dan isikan kata adjektif yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah ini:

1. Saleha agak cemas apabila diekori oleh pemuda itu.
2. Hujah yang disampaikan oleh pelajar itu kurang bernas.
3. Aiman dan adiknya sangat gemar bermain congkak.
4. Wee Seng kurang mahir menggunakan computer.
5. Muzafar merupakan pelajar pintar di dalam kelas kami.
6. "Kamu akan gagal jika tidak belajar dengan tekun," kata Radhi.
7. Sungguh malang nasib kanak-kanak yang didera itu.
8. Siti Aina amat rindu akan kakaknya yang kini belajar di luar negara.
9. Ganesh masih lapar walaupun telah makan dua pinggan nasi.
10. Kawasan itu sering dilanda banjir kerana kedudukannya yang agak rendah.

LATIHAN 3

Isi tempat kosong dengan kata Adjektif yang diberikan bagi melengkapkan ayat-ayat berikut :



1. Masakan di warung itu tidak _____ masakan ibu saya.
2. Hubungan Farizol dan Azril menjadi _____ selepas berlakunya pertengkaran itu.
3. Hayati dan Marsha berkawan _____ sejak kecil kerana mereka tinggal berjiran.
4. Sarah tergesa-gesa menjawab soalan ujian itu kerana masa yang diperuntukkan semakin _____.
5. Bangunan itu perlu dicat semula kerana warnanya sudah _____.
6. Sementara menunggu keputusan keluar Raziq berniaga secara _____ untuk menampung perbelanjaan keluarganya.